

Sinar Harian 26/11/2018 ms 6

# Inisiatif peliharaan spesies jerung

FOTO: ASRIL ASWANDI SHUKOR

**Jabatan Perikanan Malaysia lancar kempen Tak Nak Sirip Ikan Yu**

RIDAUDIN DAUD

SERDANG



Bah Piyon menurunkan tandatangan sebagai tanda sokongan kepada kempen tersebut.



Pengunjung bergambar bersama fosil gigi ikan.

Ikan jerung sering dilabel sebagai haiwan ganas sehingga beberapa filem dibuat khusus untuk menceritakan keganasannya. Bagaimanapun, kajian menunjukkan kira-kira 100 juta haiwan tersebut dimusnahkan saban tahun sedangkan kes ia membunuh manusia tidak sebegitu banyaknya.

Antara sebab utama ikan jerung dibunuh adalah untuk mendapatkan siripnya yang bernilai tinggi; terutamanya

China, tetapi sayangnya bangkai haiwan itu dibuang begitu sahaja.

Menyedari spesies jerung semakin terancam, Jabatan Perikanan Malaysia komited

meneruskan Kempen Tak Nak Sirip Ikan Yu dan ia disemarakkan lagi dalam Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Antarabangsa 2018

(MAHA2018).

Timbalan Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Bah Piyon Tan berkata, jabatan memandang serius situasi tersebut dan mengambil tindakan termasuk mengenakan syarat dalam semua aktiviti penyiripan ikan yu.

"Malah, empat spesies ikan yu juga dicadang untuk dimasukkan dalam senarai kawalan iaitu tiga spesies yu tanduk dan satu spesies yu sirip putih besar.

"Kempen ini dilancarkan pada 2014 tapi ia perlu diteruskan dan dibuat di setiap negeri. Kita nak sedarkan masyarakat berhubung kempen ini. Dari pihak jabatan, kami telah melaksanakan beberapa



BAH PIYON

peraturan.

"Antaranya, kalau tangkap ikan yu, kena bawa semua tunjuk kepada kami, bukan tunjuk sirip saja. Kalau tertangkap yu yang dilarang tangkap, kena laporkan kepada kami.

"Kita ada peraturan dan prosedur operasi standard (SOP) dan ia adalah lengkap. Kita beritahu kepada nelayan dan nampaknya mereka juga memberikan kerjasama yang baik kepada jabatan," katanya kepada Sinar Harian selepas melancarkan Kempen Tak Nak Sirip Ikan Yu di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (Maeps) sempena MAHA2018.

Tambah beliau, keadaan di Malaysia belum begitu teruk jika dibandingkan negara luar memandangkan pihaknya beberapa kali pernah bertemu nelayan dan menerangkan kepada mereka kempen tersebut.

"Pendidikan berkaitan kempen ini juga memberi tumpuan dari pelajar sekolah rendah kepada pelajar

## MENARIK DILAMAN PERIKANAN MAHA2018

Jabatan Perikanan Malaysia menjangkan tarikan merangkumi WOW Fun, WOW Agrotechnology dan WOW Education

- Rumah Nelayan Terbalik
- Swafoto bersama Hovercraft
- Galeri Ikan Sungai
- Galeri Vivarium (ikan hiasan, tumbuhan akuatik)
- Kingdom of Sharks
- Suap ikan besar, menyauk ikan
- Nasi Kandar Tuna Apollo
- Produk perikanan
- Peluang perniagaan

Jangan lupa singgah ke Laman Perikanan MAHA2018, pasti tidak menyesal!

universiti. Isu sebegini tidak habis begitu sahaja, perlu dilaksanakan secara berterusan.

"Sejak ia dilancarkan pada 2014, nampak isu memakan sirip ikan yu semakin berkurangan. Sebelum ini banyak NGO suarakan masalah ini namun sekarang boleh kata agak sukar kita nak dengar aduan mereka.

"Malah, jamuan kerajaan dan jamuan di hotel-hotel dan syarikat terkemuka juga tidak lagi menyajikan hidangan sirip ikan yu dan saya anggap kempen ini mendatangkan kesan positif," katanya.



Maskot Kingdom of Sharks.



Kemeriahan aktiviti memancing udang galah di Laman Perikanan.